



# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR  
RASMI  
KERAJAAN  
NEGERI  
BRUNEI**

TAHUN 27 BILANGAN 31

RABU 4HB OGOS, 1982.

رابو 13 شوال 1402

PERCHUMA

## UCHAPAN TERIMA KASEH

**K**EBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Darussalam, dengan amat sukachita mengucapkan ber-banyak2 terima kasih di-atas ucapan2 tahniah yang telah di-sembahkan di-masa Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam selamat meluaran sa-orang Putera yang bernama **YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI DULI PENGIRAN MUDA 'ABDUL 'AZIM**, pada hari Khamis 29hb Julai 1982, jam 1.10 pagi.

## Sabda ucapan Hari Raya DYTMM Paduka Seri Begawan Sultan

**B**ERSEMPENA dengan Hari Raya Aidil Fitri baru2 ini, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien mengurniakan sabda ucapan Selamat Hari Raya. Kornia sabda ucapan Duli Yang Teramat Mulia itu telah di-siarkan melalui Radio dan Talivishun Brunei yang mengandongi iringan rangkapan:—

*Ya Allah Tuhanku yang asa,  
Aman dan subur lempahkan sentiasa,  
Dengan izin Allah yang maha kuasa  
Ka-arafa berkemajuan laila umat dan bangsa.*

**SELAMAT BERHARI RAYA.**



DYTMM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

## Wakil Pos di-kehendaki

**BANDAR SERI BEGAWAN.**— Penduduk2 di-kawasan Batu 18, Jalan Tutong ada-lah di-pelawa untuk menjadi Wakil Pos bagi menjalankan tugas sa-bagai wakil Jabatan Perkhidmatan Pos di-kawasan tersebut.

Wakil Pos yang di-lantek itu akan menjual setem2, surat2 rangsan dan lain2 serta menerima surat2 berdaftar daripada orang ramai untuk di-kirim dan mengeluarkan resit penerimaan bagi pehak Jabatan Perkhidmatan Pos.


Wakil Pos ini akan di-bayar aluan sa-banyak \$70.00 sabulan.

Keterangan2 lanjut mengenai syarat2 untuk menjadi Wakil2 Pos ini boleh di-dapati daripada Ketua Pos (Tutong) atau Pengawal Pos.

Permohonan sa-chara bertulis hendak-lah di-hantar kepada Ketua Pos Agong Brunei tidak lewat dari 14hb. Ogos, 1982.

## Manis-nya Iman

"BARANGSIAPA yang sentiasa berpegang kepada Allah s.w.t. dengan meng-ucapkan 'Astaghfirullah' (maafkan Allah) mengadap-kan untuk-nya jalan ke-luar bagi sa-tiap kesempitan; kelapangan hati dan fikiran bagi sa-tiap kesempitan; dan meng-ornai-nya rezeki yang ti-dak di-sangka2." —HADIYAH Nabi riwayat Abu Daud, Ibnu Majah dan Al-Baihaqi daripada Ibnu Abbas r.a.



## Pengesahan kemasokan chalun S.A.P. Singapura

**BANDAR SERI BEGAWAN.**— Pejabat Lembaga Peperiksaan memak-lumkan kepada semua chalun2 persendirian bagi Pe-periksaan Sijil Am Pelaj-jaran Singapura Cam-bridge Peringkat Biasa (Aliran Melayu) tahun ini bahawa pejabat tersebut telah mengirinkan "Penge-sahan Kemasokan Chalun" kepada chalun2 yang ber-kenaan pada 28hb. Julai lalu.

Chalun2 yang tidak me-nerima pengesahan itu ada-lah di-harapkan supa-

ya dapat datang ka-Peja-bat Lembaga Peperiksaan di-sini dengan sa-beberapa segera bagi menanda-ta-ngani pengesahan tersebut. Sementara itu, chalun2 se-kolah dan maktab ada-lah di-persilakan menanda-ta-ngani pengesahan itu di-tempat Pengetua Sekolah masing2.

Chalun2 yang gagal un-tuk berbuat demikian ada-lah tidak di-jamin tentang kesalahannya dalam mata pelajaran yang di-ambil-nya.

## DARJAH KERABAT MAHKOTA BRUNEI

**GAMBAR** atas ia-lah Bintang Kebesaran Negeri Brunei yang di-korbankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sul-tan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'iz-zaddin Waddaulah kepada sa-ramai 13 orang Kerabat Di-raja. Pengurniaan Darjah Ke-besaran itu telah di-umumkan bersempena Hari Keputeraan Baginda ke-36 tahun pada 15hb Julai yang lalu.

Darjah Kerabat Mahkota Brunei itu di-perkenankan oleh Baginda menurut susunan yang akan di-pakai untuk pe-rasmian Puja Usia pada 15hb Ogos, 1982 ini.



Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binte Haji Abdul Aziz.

## SELAMAT MELUARAN SA-ORANG PUTERA

**BANDAR SERI BEGAWAN.**— Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binte Haji Abdul Aziz telah selamat meluaran sa-orang putera pada hari Khamis 8hb Shawal, 1402 bersamaan 29hb Julai, 1982 jam 1.10 pagi.

Tembakan meriam sa-banyak 21 das telah di-lepaskan di-pekarangan Istana Darul Aman.

Satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin bin Pengiran Muda Saifuddin yang di-siarkan melalui radio dan talivishun pada petang Khamis dan malam Jumaat yang lalu ada-lah seperti berikut:—

"Menjunjong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, dengan amat sukachita di-umumkan bahawa dengan izin Allah juga Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binte Haji Abdul Aziz telah selamat meluaran sa-orang Putera pada hari Khamis 8hb Shawal, 1402 bersamaan 29hb Julai, 1982, jam 1.10 pagi.

Tembakan meriam sa-banyak 21 das dan telah di-lepaskan di-pekarangan Istana Darul Aman."

Sementara itu Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah juga mengeluarkan satu kenyataan menyebarkan sembah keshukoran Yang Amat Berhormat dan juga bagi pehak pegawai2 dan kakitangan Kerajaan dan raayat serta penduduk Negeri Brunei kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam atas selamat-nya meluaran Putera Baginda itu.


**Pelita Brunei**

 AKHAR  
RUMI  
KERAJAAN  
BRUNEI

4HB OGOS, 1982.

*Dengan nama Allah yang  
pemurah dan maha penyayang*

Perayaan Hari Keputeraan:

## MUSIM MENYEMPENAKAN BERBAGAI ACHARA

**P**ERAYAAN sempena keputeraan ke-36 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sa-bahagian-nya sudah bermula minggu ini. Pada keseluruhan-nya acara2 yang di-ator di-seluruh negeri pada tahun ini tetap dengan chorak-nya yang beraneka, termasuk-lah yang melibatkan penuntut2 dan belia-beliawanis.

Sesungguh-nya sambutan2 hari keputeraan telah menjadi musim perayaan dan pesta sa-tiap tahun. Sebahagian-nya telah di-ambil sempena bagi menggerakkan berbagai2 kegiatan dan sa-bahagian lagi menjadi sempena punchak berbagai2 acara hiburan, sokan dan seni budaya. Kedudukan ini membentuk samacham teradisi yang berpengaruh ka-atas sa-bahagian chara hidup di-negeri ini. Dapat di-ramalkan bahawa teradisi yang telah di-terima umum ini akan terus berkembang sama dengan perkembangan dalam berbagai jenis acara dan kegiatan yang mengambil sempena-nya itu.

Tidak shak bahawa masa dan tenaga yang terlibat dalam merancang, mengator dan menyertai acara2 tentu-nya bukan sedikit. Sebahagian-nya ada yang melibatkan waktu dan tenaga yang sama yang juga berfungsi dalam urusan sa-hari2 di-sekolah atau di-pejabat dan bahkan di-rumah tangga. Maka bagi meylaraskan masa dan tenaga yang sedemikian itu tentu berkehendakkan kebijaksanaan dan ketelitian. Hendak-nya kebijaksanaan serta ketelitian itu ia-lah berupa kesediaan serta kemahuan menyempurnakan menyelesaikan urusan2 biasa di-pejabat2, di-sekolah2 dan di-rumah tangga. Sebab kita yakin itu-lah sahaja chara-nya masa dan tenaga kita yang memang sedia terhad dan sedikit akan dapat berfungsi dengan sebaik2-nya bagi memenuhi tuntutan2 tugas dan kewajiban biasa sa-hari2, apatah lagi sa-tengah2 di-antara kita ada yang terlibat dengan berbagai2 tugas rasmi di-luar tugas biasa masing2.

Sungguh pun sa-bahagian acara perayaan kelihatan-nya bermusim namun ia tidak semesti-nya meninggalkan kesan sa-musim. Acara yang berchorak hiburan dan pesta-pestaan umpama-nya sudah pun pernah menempa rekod yang malang manakala berekoran sa-hingga ada yang di-dedahkan di-mahkamah. Apa yang lebih malang lagi ia-lah kejadian buruk tersebut melibatkan anak2 sekolah dan belia-beliawanis. Sememang-nya acara hiburan dan pesta-pestaan akan menarik sa-banyak mungkin kalangan muda dan kanak2 tetapi ada-lah tidak di-ketahui sama ada langkah mengurangkan kalau pun bukan mengelakkan — sebarang kesan sampingan telah juga di-fikirkan sama. Dan memang sukar bagi mengadakan sebarang langkah sedemikian, tetapi kesukaran itu sapatut-nya menjadikan banyak pehak berfikir dan bertindak untuk menilai. Nampak-nya orang kita belum sampai ka-peringkat itu.

Dalam hubungan bahawa sambutan perayaan hari keputeraan telah merupakan musim bagi berbagai2 acara dan kegiatan di-sempenakan maka tentu-lah munasabah pula di-ikhtiarkan menyempenakan-nya dengan pemikiran dan chita2 mengukuhkan kepentingan kita yang sa-benar dalam jangka panjang-nya.

Tidak shak lagi bahawa menyederhanakan acara2 yang berchorak hiburan dan pesta-pestaan tentu dapat di-jumlahkan sa-bagai sa-bahagian pemikiran dan langkah tersebut.

# TULISAN JAWI MEMPUNYAI HUBONGAN RAPAT DENGAN KEDATANGAN ISLAM KA-BRUNEI

**K**ita semua ma'alum tulisan jawi merupakan tulisan yang pertama sekali di-gunakan di-negeri ini sa-belum kedatangan tulisan rumi yang di-bawa masuk oleh pengaruh kebudayaan barat. Kehadiran tulisan jawi dalam kehidupan masyarakat kita mempunyai hubungan yang paling rapat dengan kedatangan Islam ka-negeri ini dalam beberapa abad yang lalu yang mana penggunaan tulisan jawi semenjak kedatangan-nya ka-negeri ini telah banyak memberikan sumbangan yang paling besar kepada masyarakat tempatan terutama sekali di-bidang perkembangan agama Islam dan juga di-bidang2 yang lain.

### KELEMAHAN

Sa-bagaimana yang kita ma'alumi bersama bahawa terdapat beberapa kelemahan yang nyata pada waktu ini di-bidang pengejaan dan penggunaan tulisan jawi di-negeri ini yang mana saya yakin perkara ini telah pun para peserta seminar membincangkan-nya dengan panjang lebar dan juga mengambil apa2 langkah bagi mengatasi masa'alah2 yang di-hadapi itu. Saya perchaya chadangan2 positif lagi penoh praktikal itu akan dapat di-timbangkan dengan sa-baik2-nya oleh pehak Jabatan Pelajaran bagi dapat di-laksanakan mengikut keutamaan dari sa-masa ka-semasa, kerana Jabatan Pelajaran khusus-nya sekolah2 ada-lah merupakan tempat yang paling sesuai dan berkesan bagi menghidupkan nyala lampu tulisan jawi, ia-itu dengan mengajar, menyibar, mengembangkan dan sa-terus-nya meningkatkan penggunaan tulisan jawi. Kita semua amat beruntung kerana sa-bagaimana yang kita ketahui bersama bahawa bangsa Melayu mempunyai dua jenis tulisan untuk kegunaan di-bidang perhubungan dan sa-bagai alat perantaraan.

### TULISAN RUMI

Perkembangan tulisan rumi akhir2 ini telah begitu pesat sa-hingga soal2 ejaan yang penting dalam bidang bahasa telah dapat di-selesaikan oleh

BERIKUT ia-lah ucapan Awang Ali Hashim bin Haji Daud, Penolong Pengarah Pelajaran Brunei, di-Upachara Penutup Rasmi Seminar Peningkatan dan Penyibaran Tulisan Jawi di-Dewan Jubli Perak Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkhiah, Gadong pada hari Sabtu 31hb Julai, 1982.

beberapa pehak yang menggunakan bahasa Melayu itu sa-bagai bahasa rasmi negara masing2 dan sa-iring dengan itu pula tulisan jawi yang pernah menjadi tulisan di-bidang keugamaan, kesusasteraan dan pentadbiran Kerajaan di-zaman silam terdedah kepada suasana kechichiran yang mana sa-chara tidak langsung pula ia-nya telah di-abaikan begitu saja. Oleh yang sademikian, sa-bagai satu bangsa kita semua mesti-lah menyedari akan hakikat ini sa-belum terlambat terutama untuk membaiki kechichiran penggunaan tulisan jawi itu supaya ia-nya akan bergerak semula berganding bahu dengan perkembangan tulisan rumi.

Orang2 Melayu di-negeri ini seharus-nya-lah tidak merasa ragu dan sangsi terhadap penggunaan tulisan jawi sa-bagai alat perantaraan dan perhubungan dalam bidang2 yang tertentu di-kalangan masyarakat sa-tempat di-negeri ini.

### MERASA YAKIN

Malah, kita harus-lah merasa penoh yakin bahawa penggunaan tulisan jawi ini akan lebih mengenalkan Bangsa Melayu kepada bangsa2

lain di-dunia ini. Sa-bagai misalan-nya, orang2 Russia ada mempunyai jenis tulisan mereka yang tersendiri yang berbeza sedikit dari bentuk tulisan rumi yang sedang kita pakai dan yang sedang di-pakai oleh negara2 lain. Negeri2 Arab mempunyai huruf2 yang Nashki (atau Nasakh); darimana tulisan jawi yang kita pakai sekarang telah ujud. Negeri India mempunyai tulisan2 yang mempunyai huruf2 yang berasal dari huruf2 Brahmi dan Kharoshti. Bangsa2 China, Jepun dan Korea juga mempunyai bentuk2 tulisan2 mereka yang ujud dari bunyi dan gambar (ideographic & pictorial). Telah ternyata bahawa di-negara2 yang saya sebutkan tadi, penggunaan tulisan2 negara2 mereka itu, tidak ada-sama sekali menjejaskan kemajuan2 negara2 masing2 — malah negara2 seperti Russia yang menggunakan tulisan dengan huruf Cyrillic dan Jepun yang menggunakan huruf2 Katakana dan Hironana, ada-lah merupakan negara2 yang paling maju di-dunia ini.


### MUSTAHAK

Juga, orang2 Melayu di-negeri ini mesti-lah sedar bahawa memandangkan

kapada kedudukan negeri ini sa-bagai sebuah negara Islam, mengembangkan dan meningkatkan penggunaan tulisan jawi ada-lah mustahak kerana kitab suci Al-Kor'an ada-lah di-tulis dalam Bahasa Arab yang berbentuk tulisan jawi, dan mustahak kapada kita terutama jenerasi yang maseh muda mewarisi tulisan jawi dengan cheka bagi membolehkan kita membaca dan memahami isi kandungan Kitab Suci Al-Kor'an dan untuk mendedahkan kita kapada perkara agama yang mengajarkan setiap orang untuk menjadi manusia yang berguna serta mempunyai bupekerti mulia.

### JULONG2 KALI

Seminar ini merupakan seminar peningkatan dan penyibaran tulisan jawi yang julong2 kali-nya diadakan di-negeri ini yang di-anjarkan oleh Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei dengan kerjasama penoh Jabatan Pelajaran, Jabatan Pendidikan, Jabatan Muzium Brunei. Saya tulus ikhlas sukacita merakamkan ucapan tahniah di-atas kejayaan jabatan2 yang berkenaan menganjorkan seminar yang berfaedah ini dan dengan mendahulukan kalimah Bismillaahir Rahmanir-Rahim dengan ini saya rasmikan penutupan seminar peningkatan dan penyibaran tulisan jawi ini.



Sa-bahagian dari peserta yang menghadiri seminar tersebut.

# PEMBENAAN PUSAT KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN BERJALAN LANCHAR

Oleh: Aisah Piee

BRUNEI akan mempunyai Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan yang baru apabila projek pembenaan bangunan tersebut siap tahun depan. Bangunan tersebut dibena di-Jalan Residency di-ibu negeri di-atas kawasan sa-luas tiga ekar.

Kerja2 permulaan bagi pembenaan bangunan baru itu telah bermula awal tahun ini dan sekarang berjalan dengan lancar dan di-jangka siap dalam bulan Ogos, 1983, ia-itu hanya beberapa bulan saja lagi menjelangnya Hari Kemerdekaan Negeri Brunei.

Di-reka bentuk oleh Arkitek Ibrahim dengan pemborong utama dari Perbadanan Tobishima, bangunan baru itu di-bena menghadap Sungai Brunei. Bangunan tersebut lengkap dengan tempat mengendalikan latehan, pameran barang2 atau hasil2 pertukangan tangan tempatan, pentadbiran dan pemasaran barang2 tersebut. Projek tersebut di-anggarkan menelan belanja sa-banyak 25 juta ringgit.

Bangunan tersebut akan mempunyai lima bumbong bangunan dengan bangunan utama (tower) yang mengandungi lapan tingkat di-tengah2 kompleks bangunan. Bangunan besar ini juga mempunyai empat tingkat untuk bengkel, satu tingkat bilek pentadbiran, persidangan dan bilek serba guna, tiga tingkat untuk bilek bertenun kain dan seni pertukangan tangan halus dan satu tingkat untuk kanteen.

Sa-lain dari kemudahan2 yang telah dinyatakan tadi, kompleks bangunan ini juga akan menyediakan Dewan Pameran dan Jualan, setor untuk bahan2 yang telah siap, bilek Penyelidikan, Bilek2 Pengarah dan Pengurus Jawatankuasa, Perpustakaan, Bilek Penyambut dan Penerimaan.

Ada-lah di-fahamkan bahawa tujuan utama penubuhan pusat ini adalah bagi menghidupkan semula pertukangan tangan tempatan, seperti pertukangan perak, tembaga, bertenun kain, anyaman dan songkok di-

kalangan orang2 kitani terutama di-kalangan jenerasi muda. Dengan ada-nya bangunan baru itu nanti, maka perusahaan pertukangan tangan lebeh dapat di-ketengahkan di-kalangan orang2 kita. Di-samping itu, pusat ini juga menggalakkan pengenalan dan penjualan hasil2 perusahaan pertukangan tangan dan kesenian.

## Bangunan ini sa-bagai "land-mark" kesenian Brunei asli

Sa-laras dengan tujuan tersebut di-mana ia-nya akan memperlihatkan pertukangan dan kesenian orang2 Brunei, bangunan baru Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan itu nanti akan di-hiasi ukiran2 asli, terutama sekali di-bahagian atas-nya. Atap bangunan itu sendiri akan berbentuk asli perumahan Brunei, sementara di-sekeliling bangunan akan terdapat kawasan lapang yang sa-tentu-nya akan boleh di-gunakan untuk mengadakan pertunjukan2 kesenian Brunei.

Tapak bangunan baru pusat itu ada-lah juga bekas tapak Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan yang lama, yang mana terpaksa di-pindahkan buat sementara


ka-Rumah Kelas B, Jalan Berakas. Perpindahan tersebut di-lakukan bagi memudahkan kerja2 pembenaan bagi pusat baru di-jalankan.

Apabila Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan yang baru itu siap nanti, ia-nya akan menempatkan semula Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan yang menetap buat sementara di-Jalan Berakas itu dan Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan di-Perpindahan Berakas.


Bangunan ini juga di-jadikan sa-bagai satu tanda sejarah atau land-mark pada mengetengahkan kesenian Brunei yang asli dan akan dapat di-sorongkan ka-hadapan sa-bagai satu perkara yang dapat di-banggakan.



Kerja2 asas bagi bangunan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei telah pun selasai di-jalankan. Tapak sa-luas tiga ekar itu terletak di-Jalan Residency menghala ka-Sungai Brunei (gambar atas). Sementara gambar bawah menunjukkan bentuk bangunan pusat tersebut apabila siap nanti.



Gambar bawah kiri ia-lah Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan yang ditempatkan sementara di-Rumah Kelas 'B' Jalan Berakas dan gambar bawah pula ia-lah Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan di-Kampung Perpindahan. Kedua2 pusat ini nanti akan di-pindahkan ka-bangunan Pusat Kesenian yang baru itu.



# BERTAUBAT

**A**DA pun dalil yang mewajibkan sa-seorang itu bertaubat dari segala dosa ia-lah ayat2 Al-Kor'an, hadith2 Rasulullah, dan ijma' Ulama' Islam yang mengatakan wajib bertaubat dari segala dosa.

Firman Allah Ta'ala dalam surah An-Nur ayat 31 yang tafsiran-nya: *Bertaubat-lah kamu semua kepada Allah Ta'ala hai orang2 Mu'min, supaya kamu selamat dan lepas dari dosa dengan bertaubat itu.*

Firman Allah Ta'ala lagi dalam surah Hud ayat 52, yang tafsiran-nya: *Beristighfar-lah kamu dan mohon ampun-lah kamu daripada Tuhan kamu kemudian kamu bertaubat dan kembali-lah kepadaNya.*

Dalam surah At-Tahrim ayat 8, Allah Ta'ala berfirman pula yang tafsiran-nya:

*"Hai mereka yang beriman, bertaubat-lah dan kembali-lah kamu kepada Allah Ta'ala dengan taubat dan kembali yang tiada mengulangi dosa itu sa-lama2-nya."*

Di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari daripada sahabat Abi Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa saya mendengar Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang erti-nya:—

*"Demi Allah bahawa saya beristighfar kepada*

*Allah dan bertaubat kepada-Nya dalam sa-hari lebih dari 70 kali istighfar dan taubat."*

Telah di-maklomi bahawa Nabi s.a.w. itu ma'sum dan terpelihara dari bertaubat dosa dan maksiat sa-bagaimana tersebut dalam kitab2 Tauhid. Ada pun istighfar dan taubat Baginda hanya sa-bagai menjunjung limpah kornia Allah Ta'ala yang sangat banyak, dan supaya menjadi tauladan kepada kita umat Islam agar sentiasa beristighfar dan bertaubat di-atas segala dosa dan kesalahan dan bershukor di-atas segala nikmat2 yang tiada terkira banyak-nya di-korniakan kepada kita. Kita tentu-lah pula lemah dari membalas segala korniaan Allah itu hanya yang

dapat kita buat ia-lah berterima kaseh dan bershukor di-atas nikmat2 Allah itu. Bagi menutup kelemahan kita itu, maka kita di-suruh sentiasa beristighfar dan bertaubat.

## SEMBAHYANG TAHAJJUD

Di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim daripada Sayidatuna Aishah Radhiallahu Anhu: Bahawa Nabi s.a.w., sentiasa bangun dari tidor di-malam hari, kerana mengerjakan sembahyang malam (Sembahyang Tahajjud) sa-telah terjaga dari tidor-nya, sehingga pechah2 dua tapak kaki Baginda. Pernah sa-ya berkata kepada Baginda: "Mengapa tuan ham-

ba melakukan perkara yang berat itu ya Rasulullah, pada hal Allah Ta'ala telah mengampunkan bagi tuan hamba, akan dosa yang telah lalu dan dosa akan datang?" sabda Baginda Rasulullah yang erti-nya:

*"Tidak-kah saya suka akan menjadi sa-orang hamba Allah yang sangat bershukor dan berterima kaseh kepada Allah Ta'ala dengan berbuat taat dan ibadat kepada-Nya di-atas nikmat2-Nya itu?"*

Di-riwayatkan oleh Imam Muslim daripada sahabat Aghar bin Yasar Al-Muzani r.a., Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang erti-nya:

*"Hai manusia bertaubat-lah kamu kepada Allah Ta'ala dan menguchap is-*

*tighfar-Astaghfirullah. Irama saya bertaubat dalam sa-hari sa-malam sa-rakali."*

Demikian-lah sa-tengah dari dalil2 yang mengah bertaubat kerana kita hamba Allah Ta'ala tiada sum dari dosa, lalai dan chup pada menyempurnakan hak2 Allah Ta'ala sa-bagai hamba Tuhan yang menjadikan sekalian alam.

Ulama' Usul-Feqh mengatakan bahawa bershukor dan membalas akan nikmat anugerah Allah itu, ada-lah wajib pada shara' yakni jika kita tiada bershukor ada-lah menjadi suatu kesalahan dan berdosa kerana mengah Allah Ta'ala amat banyak.

WALLAHU A'ALAM

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS .....



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ  
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri  
Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.A.,  
P.H.B.S., P.I.S. Ashar dan U. Cairo, M.A.



AWANG Samat bin Jamahat, pemenang dalam peraduan menulis cerpen Bahagian 'A' sedang menerima hadiah yang disampaikan oleh Dato Seri Setia Awang Haji Yahya.

## PENYAMPAIAN HADIAH PERADUAN MENULIS SAJAK

**BANDAR SERI BEGAWAN.**— Satu majlis penyampaian hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan menulis sajak dan cerpen anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama sempena Sambutan Isra' dan Me'raj tahun ini telah berlangsung dalam bulan lalu di-Bilek Mashuarat Majlis Ugama Islam Brunei di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini.

Penyampaian hadiah2 telah di-sempurnakan oleh Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Peraduan itu telah dibukakan kepada orang ramai dan penuntut2 di-negeri ini. Peraduan saumpama itu ada-lah buat kali ketiga-nya di-anjorkan. Dan menurut pehak penganjur peraduan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan terutama-nya dari penulis2 yang baru munchol.



## Majlis Khatamal Kor'an

**JALAN TUTONG.**— Satu Majlis Khatamal Kor'an telah berlangsung pada hari Ahad, 18hb. Julai lalu bertempat di-Surau Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini (gambar atas).

Majlis tersebut telah dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, dan di-

akhiri dengan bacaan Khatamal Kor'an.

Antara yang menghadi ri majlis tersebut ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Pengetua Cheteria, Ketua2 Jabatan Kerajaan, pegawai2 dan pegawai2 Kerajaan.

# NASEHAT-MENASEHATI ANTARA SA-SAMA ISLAM SANGAT2 DI-GALAKKAN

**M**ARI-LAH kita menguatkan iman dan takwa kita kepada Allah dengan jalan melipatgandakan amal ibadat kita dan berusaha dengan sedaya upaya pada menjauhkan diri kita dari melakukan segala larangan-Nya.

Tidak ada manusia yang tahu bila-kah dia akan mati dan berapa lama lagi-lah dia akan berpeluang hidup di-dunia ini, tetapi yang pasti-nya sa-hagi demi sa-hari bererti manusia itu makin hampir dengan hari kemudian. Semua orang faham dan mengerti yang kehidupan di-dunia ini hanya sementara dan sekelip mata, bila2 sahaja di-kehendaki Allah maka akan tinggal-lah dunia.

## BENAR2 FAHAM

Tetapi ada-kah kita benar2 faham dan mengerti apa2 yang kita sebutkan itu? Kalau kita teliti dan amat-amati perbuatan dan perchapakan

kita maka kita dapati yang kita maseh jauh bertenangan dengan apa yang kita fahami. Bahkan ada setengah-nya berkelakuan sa-olah2 ia-nya akan hidup selama2-nya dan tidak ubah di-dunia ini macham dia yang punya tanpa mengingatkan hari akhirat itu ada-lah tanpa kembali buat selama2-nya.

Oleh yang demikian ada-lah menjadi kewajipan kita sekalian umat Islam bagi memperbaiki perangai kita dan menasehati saudara2 kita yang sa-ugama yang maseh di-lalaikan oleh kehidupan dunia yang sentiasa mengancham kesuchian ugama dan memesonkan kita dari hidup berlandaskan ajaran Islam. Kita tidak perlu takut kepada sa-siapa pada menjalankan amanah Allah Ta'ala yang di-pertanggung-jawabkan kepada kita. Allah berfirman dalam surah Ali-Emran ayat 104 maksud-nya kira2 :-

*"Dan hendak-lah ada di-antara kamu sa-golongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan menchegeh dari yang mungkar mereka-lah orang2 yang beruntung."*

Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksud-nya kira2: *Barang siapa di-antara kamu melihat kemungkaran maka hendak-lah memperbaikinya dengan tangan-nya, maka kalau tidak berupaya juga maka hendak-lah dengan lidah-nya maka kalau tidak berupaya juga maka dengan hati dan ini-lah selemah2 iman.*

## MAKSIAT

Satu2 kumpulan ada-lah tidak terlepas dari menerima dosa jika berlaku perkara2 yang berupa maksiat dan mungkar di-dalam kumpulan tersebut jika tidak ada yang menegor dan memperbaiki keadaan sa-demikian. Mereka ini-lah yang akan

menerima chelaan sa-bagaimana chelaan Al-Kor'an terhadap Bani Israel yang membiarkan kaum-nya berbuat dosa. Firman Allah Ta'ala dalam surah Al-Maedah ayat 78-79 yang maksud-nya kira2: -

## TEGORAN

*"Telah di-laknati orang2 kafir dari Bani Israel dengan lisan (lidah) Daud dan Isa putera Mariam. Yang demikian itu di-sebabkan mereka derhaka dan selalu melampau batasan, mereka satu dengan lain selalu tidak melarang perbuatan mungkar yang mereka lakukan. Sesungguh-nya amat burok-lah apa yang mereka perbuat itu."*

Jika kita fikirkan masak2 apa yang tersirat dalam Al-Kor'an itu dan kita ikut serta amalkan segala tegoran dan ajaran2-nya. Maka sudah tentu perjalanan hidup kita teratur dan terjamin. Dan tentu sekali tidak timbul per-



musohan2, tidak ada tipu menipu antara satu dengan lain bahkan tidak akan berlaku penyalahgunaan harta benda Kerajaan, dan tidak meragukan hati manusia yang benar2 chinta kepada keredhaan Allah s.w.t. tetapi apa yang berlaku, sebak-nya manusia telah banyak menimbulkan perbuatan2 yang akan menghancurkan kehidupan mereka bahkan melibatkan kehidupan orang lain.

## KERUGIAN

Kita semesti-nya beringat kerana dengan sebab tindak-tanduk kita mengerjakan perkara2 yang bertentangan dengan lunas2 Islam dan ajaran2 Al-Kor'an itu akan merosakkan diri kita sendiri baik di-dunia apa-tah lagi di-akhirat. Firman Allah Ta'ala dalam surah Al-Ansar ayat 1 hingga 3 yang maksud-nya kira2: -

*"Demi masa sesungguhnya manusia itu benar2 berada di-dalam kerugian kechuali orang2 yang mengerjakan amal2 saleh dan nasehat menasehati supaya mentaati kebenaran dan mengerjakan segala surohan2 Allah dan nasehat menasehati supaya bersabar pada menang-gong penderitaan kerana menjauhi larangan2-Nya."*

Alang-kah sedeh-nya kita jika termasuk dalam golongan manusia yang dilaknati itu. Sedangkan laknat itu suatu denda dan hukuman yang berat dan tidak baik, kerana ia-nya menjauhkan kita daripada mendapat rahmat Allah dan menjauhkan kita dari beroleh taufik dan hidayat-Nya, maka tidak shak lagi bahawa umat yang sa-demikian ada-lah umat yang akan kechewa akibat dari perbuatan mereka sendiri.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4hb Ogos, 1982 hingga ka-hari Selasa 10hb Ogos, 1982 ada lah seperti di-bawah ini:-

| Hari Bulan | Dzuhur | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh Terbit | Matahari |
|------------|--------|------|--------|------|-------|--------------|----------|
| 4hb Ogos   | 12.30  | 3.48 | 6.40   | 7.51 | 4.43  | 4.58         | 6.16     |
| 5hb Ogos   | 12.30  | 3.48 | 6.40   | 7.51 | 4.43  | 4.58         | 6.16     |
| 6hb Ogos   | 12.30  | 3.48 | 6.39   | 7.50 | 4.43  | 4.58         | 6.16     |
| 7hb Ogos   | 12.30  | 3.48 | 6.39   | 7.50 | 4.43  | 4.58         | 6.16     |
| 8hb Ogos   | 12.30  | 3.48 | 6.39   | 7.50 | 4.43  | 4.58         | 6.16     |
| 9hb Ogos   | 12.30  | 3.48 | 6.39   | 7.50 | 4.43  | 4.58         | 6.16     |
| 10hb Ogos  | 12.30  | 3.48 | 6.39   | 7.50 | 4.43  | 4.58         | 6.16     |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

## Memelok Ugama Islam

**TUTONG.** - Satu majlis pengislaman bagi Dayang Kong Flora yang berusia 17 tahun telah berlangsung pada hari Juma'at 30hb. Julai, 1982 bertempat di-rumah Awang Haji Mohd. Jais bin Ismail di-Kampong Keriam Tutong.

Dayang Flora yang kini di-kenali sa-bagai Dayang

Siti Normiliana bte Abdullah telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Imam Masjid Keriam, Awg. Ahmad bin Jumat dan di-saksikan oleh Awang Hj Abd Wahab bin Muhammad sa-orang Ahli Majlis Ugama Islam di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei dan Awg. Metali bin Orang Kaya

Jaya Putera Hj. Talib.

Di-antara yang hadir di-majlis pengislaman itu ia-lah Kadzi Daerah Tutong, Awg. Haji Metussin bin Hj. Baki, Pegawai2 Ugama dan ahli2 keluarga Dyg. Siti Normiliana. Majlis pada malam itu juga telah di-serikan dengan zikir marhaban.

## Hormat-menghormati sesama jiran

*Bingkisan minggu ini*

### HIDUP BERJIRAN

Memandang kepada penting-nya hidup bermasyarakat ini, maka ugama Islam telah menetapkan dasar2-nya yang tertentu ia-itu antara lain meletakkan dasar hormat menghormati sesama jiran dalam sa-sesebuah kelompok masyarakat Islam itu.

Dalam hidup berjiran kadang2 kita terpaksa menghadapi berbagai masalah yang mungkin timbul kerana tidak adanya persefahaman, tidak ada sifat tolak ansor atau juga tidak ada sifat hormat menghormati sesama jiran, maka untuk menjaga persaudaraan dan keteguhan hidup berjiran sifat hormat menghormati amat-lah penting. Hormat dalam ertikata yang luas

termasuk-lah menjaga hak dan kepentingan bersama, bertolak ansor, bersefahaman, sentiasa bantu membantu dalam perkara2 yang munasabah, nasehat menasehati, bersopan santun dan lemah lembut dalam pergaulan dan sebagai-nya.

### PERSAHABATAN

Rasulullah s.a.w. dalam sa-buah hadith-nya yang di-riwayatkan oleh Muslim dari Abu Hurairah telah menegaskan beberapa perkara yang penting untuk menjaga persahabatan dan kerukunan hidup berjiran, ia-itu sebagai-mana sabda baginda yang bermaksud:

*"Hak orang Islam atas orang Islam enam perkara; apabila engkau bertemu dengan dia ucapkanlah salam kepada-nya apabila dia memanggil hendak-lah di-perkenankan, apabila dia meminta nasehat hendak-lah beri nasehat, apabila dia bersin dengan memuji nama Allah hendak-lah memohonkan buat-nya rahmat, apabila dia sakit hendak-lah ziarahi dan apabila dia mati hendak-lah hantarkan*

*mayat-nya ka-kubor."*

### SELUROH KEHIDUPAN

Sebenarnya hak atau tanggung-jawab sa-orang Islam terhadap sa-orang Islam yang lain bukan-lah enam perkara sahaja, bahkan banyak lagi yang lain ia-itu-lah yang meliputi seluruh kehidupan duniawi kita. Tetapi kerana Rasulullah s.a.w. itu sa-orang yang bijaksana tidak-lah Baginda menerangkan kesemua-nya dalam sekali gus. Kerana jika di-amalkan enam perkara itu pun sudah cukup untuk memenohi syarat bagi menguatkan tali persaudaraan dan perhubungan sesama jiran.

Perkara2 yang telah disebutkan itu amat penting, walaupun nampak-nya amat ringan di-sebabkan kerana ringan-nya itu-lah kerap kali di-abai. Dan bila di-abai kan bererti pergaulan kita sesama jiran belum lagi sempurna. Sedangkan jiran atau tetangga itu penting dalam kehidupan kita, terutama di-kala mana kita memerlukan pertolongan samada dalam suasana kedukaan atau kesukaan.

## Pepereksaan City & Guilds bulan Disember

BANDAR SERI BEGA-  
WAN. — Persediaan2 kini  
sedang di-buat bagi Pe-  
pereksaan City and Guilds  
di-dalam beberapa mata-  
pelajaran yang tertentu  
yang akan di-adakan da-  
lam bulan Disember tahun  
ini.

Chalun2 sekolah boleh-  
lah mendapatkan borang  
kemasokan bagi pepere-  
ksaan yang berkenaan mela-  
lui Pengetua2 Sekolah Ba-  
ngunan Sultan Saiful Rizal  
di-Jalan Muara, Pusat La-  
tehan Teknikal di-Jalan  
Muara, Sekolah Kejurute-  
raan Jefri Bolkiah di-  
Kuala Belait dan melalui  
Ketua Pejabat Latehan Se-  
kolah Pertukangan Voke-  
shenal, Shariat Minyak  
Shell di-Seria.

Sementara itu, chalun2  
persendirian juga di-pela-  
wa bagi menduduki pe-  
pereksaan tersebut. Mereka  
boleh-lah mendapatkan  
borang pepereksaan mela-  
lui Pejabat Lembaga Pe-  
pereksaan di-sini sekarang  
sa-hingga hari Selasa, 31hb  
Ogos, 1982.

Borang2 pepereksaan  
berserta dengan bayaran  
pepereksaan yang di-buat  
sa-chara tunai atau cek,  
dan sa-barang surat penga-  
kuan yang di-kuuarkan  
oleh City and Guilds of  
London Institute, jika ada,  
hendak-lah di-hadapkan  
ka-Pejabat Lembaga Pe-  
pereksaan di-sini tidak le-  
wat dari 31hb. Ogos,  
1982.

## Pulang sa-telah mengikuti kursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGA-  
WAN. — Tiga orang Pe-  
gawai Bomba dari Brunei  
ada-lah di-antara 19 orang  
yang telah menamatkan  
satu kursus lanjutan me-  
ngenai teknik menche-  
gah kebakaran di-Britain.

Pegawai Balai, Pengiran  
Bakar bin Pengiran Hitam  
dari Balai Bomba Muara  
dan Penolong Pegawai Ba-  
hagian, Awang Sajir bin  
Haji Hassan dan Awang  
Abu Bakar bin Aliasim  
dari Balai Bomba Seria  
dan Bandar Seri Begawan,  
telah mengikuti kursus ter-  
sebut di-The Fire Service  
College di-Moreton-in-  
March, Barat-Daya Eng-  
land.

Pegawai2 tersebut mene-  
rangkan, antara latehan2  
yang di-ikuti ia-lah operasi  
melawan kebakaran deng-  
an menggunakan alat2  
yang sophiskated. Kursus  
tersebut juga, jelas mereka,  
dapat menambahkan peng-  
alaman2 samada dari segi  
teori dan amali.



Lt. Mohd Jahari

## Pegawai AMDB berkursus di-U.K.

BERAKAS. — Dua orang  
anggota Skuadron Jurutera  
Pengempor, Pasokan As-  
kar Melayu Diraja Brunei,  
4364 L/Kpl Awang Asli  
bin Mamut dan 5363 Pera-  
jurit Mohd. Edham bin  
Mohd. Don, telah berlepas  
ka-Singapura baru2 ini  
untuk mengikuti Kursus  
Field Plant Basic Operator  
CL II.

Mereka akan mengikuti  
kursus tersebut selama le-  
bih kurang empat bulan  
di-Sekolah Jurutera Pe-  
ngempor di-republik itu.  
Kursus akan berakhir pa-  
da 11hb. Disember tahun  
ini.

Sementara itu, 148 Lt.  
Mohamad Jahari bin Ahad  
dari Kompeni RHQ telah  
bertolak ka-United King-  
dom Jumaat lalu, untuk  
menghadhiri Kursus Inter-  
national Diploma in Safety  
Management, bertempat  
di-British Safety Council  
di-St. Katharine.

Kursus tersebut telah  
bermula pada 1hb. Ogos  
yang baru lalu dan akan  
berakhir pada 8hb. Okto-  
ber depan.

# PEMENANG PERADUAN MELUKIS ANJORAN DBP

BANDAR SERI BEGA-  
WAN. — Perpustakaan  
Kanak-Kanak, Dewan Ba-  
hasa dan Pustaka telah  
mengumumkan keputusan  
Peraduan Melukis Meng-  
gunakan Magic Pen dan  
Peraduan Mengarang an-  
joran perpustakaan terse-  
but bagi perengkat daerah  
dan negeri.

Pemenang pertama Per-  
aduan Melukis Mengguna-  
kan Magic Pen bagi Dae-  
rah Brunei-Muara ia-lah  
Awang Suhara Fadzali bin  
Yusop, tempat kedua, Awg  
Erwan Ahmad bin Haji  
Mustafa dan tempat ketiga  
di-menangi oleh Dayang  
Puspawati bte Rasit. Me-  
menangi tempat pertama  
Peraduan Mengarang Pe-  
rengkat Daerah Brunei-  
Muara ia-lah Dayang Ru-  
biah bte Salleh, kedua  
Awang Muhammad Nora-  
riffin bin Haji Sabtu dan  
tempat ketiga ia-lah Dyg.  
Rafidah bte Ghariff.

Bagi Daerah Belait, me-  
nenangi tempat pertama  
Peraduan Melukis Meng-  
gunakan Magic Pen ia-lah  
Dayang Hamdiah bte Ha-  
nipah dan tempat kedua  
di-menangi oleh Dayang  
Adimah bte Md. Said.  
Manakala dalam Peraduan  
Mengarang, ia-nya di-  
menangi oleh Sharifah  
Fahezah bte Wan Musa,  
sementara Dayang Saimah  
bte Md. Said menduduki  
tempat kedua.

Peraduan Melukis  
Menggunakan Magic Pen  
Perengkat Daerah Tutong,  
tempat pertama di-menangi  
oleh Dyg. Noor Afidawati  
bte Hj. Abd. Rahman dan  
tempat kedua, Dayang  
Faridah bte Haji Abang,  
sementara memenangi tem-  
pat pertama Peraduan Me-  
ngarang ia-lah Dayang

Noorshahrinah Asikah bte  
Haji Shabbuddin dan  
mendapat tempat kedua  
ia-lah Dayang Masitawatie  
bte Haji Mohd. Tahir.

Sementara itu, Johan Pe-  
raduan Melukis Menggu-  
nakan Magic Pen Pereng-  
kat Daerah Temburong  
ia-lah Awang Sumardi bin  
Abd. Wahab dan Awang  
Khairul Hazmi bin Abdul  
Halim memenangi tempat  
kedua. Manakala dalam  
Peraduan Mengarang, tem-  
pat pertama di-menangi  
oleh Dayang Mariani bte  
Haji Ahmad dan kedua  
Awg. Mahari bin Ahmad.

Johan Peraduan Melukis  
Menggunakan Magic Pen

Perengkat Negeri ia-lah  
Awang Suhara Fadzali bin  
Yusop dari Daerah Brunei-  
Muara, naib-johan di-me-  
nangi oleh Dayang Noor  
Afidawati bte Haji Abd.  
Rahman dari Daerah Tu-  
tong dan Awang Sumardi  
bin Abd. Wahab dari Dae-  
rah Temburong menduduki  
tempat ketiga.

Hadiah2 saguhati di-  
menangi oleh Awang Er-  
wan Ahmad bin Haji Mus-  
tafa, Dayang Puspawati  
bte Rasit, Dayang Faridah  
bte Haji Abang, Awang  
Khairul Hazmi bin Abd.  
Halim, Dayang Hamdiah  
bte Hanipah dan Dayang  
Adimah bte Md. Said.

Dalam Peraduan Me-  
arang Perengkat Negeri  
di-menangi oleh Dayang  
Noorshahrinah Asikah  
bte Haji Shabbuddin dari  
Daerah Tutong, tempat ke-  
dua di-menangi oleh Shari-  
fahezah bte Wan Musa  
dari Daerah Belait, dan  
tempat ketiga di-menangi  
oleh Dayang Rubiah  
Salleh dari Daerah Brunei-  
Muara.

Menerima hadiah2 sa-  
guhati ia-lah Awang Mu-  
hammad Norariffin bin  
Haji Sabtu, Dayang Saimah  
bte Md. Said, Dayang Rafi-  
dah bte Gharif, Dayang Ma-  
riani bte Haji Mohd. Tahir,  
Awang Mahari bin Ah-  
mad dan Dayang Mariani  
bte Haji Ahmad.

## Perpustakaan Bergerak Jadual Lawatan dari 4hb. hingga 10hb. Ogos, 1982.

| TEMPAT PERSINGGAHAN                                       | TARIKH    | HARI   | MASA              |
|-----------------------------------------------------------|-----------|--------|-------------------|
| Sekolah Melayu Serasa                                     | 4.8.1982  | Rabu   | 10.00-10.30 pagi  |
| Sekolah Melayu Mentiri                                    | 4.8.1982  | Rabu   | 10.45-11.15       |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin,<br>Sungai Besar        | 4.8.1982  | Rabu   | 11.30-12.00 T/H   |
| Sekolah Melayu A.H.M.Y. Kati Mahar                        | 7.8.1982  | Sabtu  | 8.30- 9.30 pagi   |
| Penjara Jerudong                                          | 7.8.1982  | Sabtu  | 9.45-10.45        |
| Sekolah Melayu Mulaut                                     | 7.8.1982  | Sabtu  | 11.30-12.00 T/H   |
| Sekolah Melayu Birau                                      | 7.8.1982  | Sabtu  | 1.30- 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang                                    | 7.8.1982  | Sabtu  | 2.45- 3.45        |
| Sekolah Melayu Lamunin                                    | 7.8.1982  | Sabtu  | 4.00- 5.00        |
| Dihadapan Rumah Penghulu Kampong Serasa                   | 8.8.1982  | Ahad   | 9.00-10.00 pagi   |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama                   | 8.8.1982  | Ahad   | 10.15-11.15       |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara                             | 8.8.1982  | Ahad   | 11.30-12.00 T/H   |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan,<br>Jalan Muara  | 9.8.1982  | Isnin  | 1.45- 2.45 petang |
| Sekolah Melayu Haji Mohd. Salleh, Sungai<br>Hanching      | 9.8.1982  | Isnin  | 3.00- 4.00        |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah)                   | 10.8.1982 | Selasa | 9.15-10.15 pagi   |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa                              | 10.8.1982 | Selasa | 10.30-11.30       |
| Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampong<br>Kiulap         | 10.8.1982 | Selasa | 2.45- 3.15 petang |
| Di-hadapan Rumah Penghulu Mukim Gadong,<br>Kampong Beribi | 10.8.1982 | Selasa | 3.35- 4.00        |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring                    | 10.8.1982 | Selasa | 4.30- 5.30        |

# RANCHANGAN KAP-KAP UDANG DARI 9HB. HINGGA 15HB. OGOS, 1982.

## ISNIN — 9HB OGOS

### PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 668.  
Ranchangan hari ini di-muati dengan  
aktiviti2 seperti BELON SI-MANIS,  
DI-MANA TEMPAT, AMIN, NAIK  
KUDA, BERCHERITA dan CHER-  
MIN SAKTI.  
Tajok CHERITA Che'gu Rokiah ia-  
lah DI-MANA SANG GAJAH BER-  
SEMBUNYI.

### PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP  
UDANG 668.

## SELASA — 10HB OGOS

### PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 669.  
Dalam ranchangan hari ini Che'gu Ro-  
kiah dan anak2 akan membuat aktivi-  
ti2 seperti BERLAKUN, KERJA TA-  
NGAN, BERSENAM, SIRI PERMU-  
LAAN dan CHERMIN SAKTI.

### PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP  
UDANG 669.

## RABU — 11HB OGOS

### PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 670.  
Ranchangan hari ini di-muati dengan  
aktiviti2 seperti MAIN MUZIK,  
GAMBAR DARI RUMAH, YANG  
MANA GANJIL, MAIN BAKUL,  
MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

### PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP  
UDANG 670.

## KHAMIS — 12HB OGOS

### PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 671.  
Dalam ranchangan hari ini Che'gu Ro-  
kiah dan anak2 akan membuat aktivi-  
ti2 seperti MAIN BAKUL, TEKA  
BENDA, SI-AMINAH, MAIN BOLA,  
MAIN BANG dan CHERMIN SAK-  
TI.

### PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP  
UDANG 671.

## JUMAAT — 13HB OGOS

### PETANG

4.30 KAP KAP UDANG  
Dalam ranchangan hari ini Che'gu

Rokiah dan anak2 akan membuat  
aktiviti2 seperti IKUT KETUA, PA-  
PAN HIKMAT, MAIN KERUSI,  
HALAMAN BINATANG, MENYA-  
NYI dan CHERMIN SAKTI.

## SABTU — 14HB OGOS

### PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 672.  
Ranchangan hari ini di-muati dengan  
aktiviti2 seperti KETUA KESELA-  
TAN, BOLA TUMBOK, LIHAT  
DAN PERHATI, BELON SI-MANIS,  
PETI SURAT dan CHERMIN SAK-  
TI.

### PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP  
UDANG 672.

## AHAD — 15HB OGOS

### PETANG

4.30 KAP KAP UDANG  
Ranchangan hari ini di-muati dengan  
aktiviti2 seperti MAIN MUZIK,  
GAMBAR DARI RUMAH, YANG  
MANA GANJIL, MAIN BAKUL,  
MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

# SENARAI NAMA2 JEMAAH HAJI DALAM ROMBONGAN PERTAMA

Haji Juna bin Haji Ladi, Aminah bte Ramli, Besar bte Abas, Dy. Damit bte Abas, Terawih bin Jaludin, Puteh bte Aman, Rahimah bte Sipak, Nuriah bte Awang Nordin, Najib bin Moidin, Kula bte Salleh, Ajijah bte Najib, Siah bte Mohiddin, Lamit bin Naun, Haji Tahir bin Jaafar, Latipah bte Haji Abd Latif, Kiah bte Jaafar, Hajjah Jijun bte Tarsat, Ramlah bte Haji Matnoor, Damit bin Safar, Siah bte Minudin.

Amat bin Haji Tengah, Maidin bin Sihin, Salmah bte Labai, Siti Aminah bte Haji Abas, Ja'afar bin Abd Rahman @ Raman, Haji Abas bin Mat Salleh, Hajjah Ramlah bte Tabib, Raini bin Hussin, Arun bin Tamin Amit bte Dollah, Abdul Samad bin Abdullah, Dayang Norlida bte Abdullah @ Lim Yet Chin, Matassan bin Matusin, Dayang Johari bte Dollah, Haji Salim bin Mohd Arshad, Maisalamah bte Tengah, Ahmad bin Haji Tengah, Timbang bin Salleh, OKSR Mohd Noor bin Othman, Mahmud bin Abu Bakar.

Matassan bin Adam, Dayang Piut bte Abu Bakar, Pengiran Fatimah bte Pengiran Udin, Salihah bte Bakar, Haris bte Matasan, Mohsin bin Awang Ahmad, Norbanun bte Md Said, Maslina bte Mohsin, Rozyman bin Mohsin, Raub bin Udin @ Rauf bin Mudin, Una bte Karim @ Salihah, Ibrahim bin Yusof, Noralam bte Karim, Haji Metali bin Md Daud, Fatimah bte Haji Adam, Md Yusof bin Haji Metali, Maimunah bte Haji Metali, Rosmah bte Haji Metali, Yakub bin Awang Taha, Dayang Banon bte Haji Adam.

